

# Empat peserta harapan janjikan pingat

- 8 SEP 1987

EMPAT ahli silat olahraga negara — Ahmad Fauzi Othman, Zaleha Nuradi, Wan Mohd Aminudin Baki dan Ahmad Wardi Salim — menjadi harapan memenangi pingat bagi kelas masing-masing di Sukan SEA Jakarta bermula esok.

Kesungguhan mereka menjalani latihan sejak fun lalu serta pencapaian cemerlang dalam kejohanan-kejohanan sebelum ini mencerahkan peluang mereka di Jakarta.

Zaleha yang menduduki tempat ketiga Kejohanan Silat Antarabangsa 1982 bertanding dalam kelas E.

Dalam kejohanan yang sama, Ahmad Fauzi memenangi dua gangsa dan satu perak.

Persembahan cemerlang dalam kejohanan itu meletakkan Ahmad sebagai naib juara dalam kejohanan Silat Antarabangsa tahun lalu di

Oleh MOHD AZMI RAFI

Vienna, Austria selepas tewas kepada peserta Belanda.

Sementara, Wan Mohd Aminudin dan Ahmad Wardi juga tidak ketinggalan berpeluang cerah untuk menyumbang pingat.

Bagaimanapun pengurus pasukan, Basiron Haji Hamit, berkata sekalipun peluang peserta negara cerah, namun

B. Harian (M)

keupayaan pencabar lain terutama tuan rumah, Indonesia tidak boleh diketepikan sama sekali.

Indonesia akan memastikan mereka menguasai sepenuhnya acara pencak silat nanti, kata beliau.

Lain-lain peserta disenaraikan: Zakri Ibrahim, Mohd Rafi Yaakob, Ahmad Khusairi Ibrahim, Salbiah Salleh, Siti Azahariah Hussein, Khattijah Salleh dan Siti Anida Mahadi.

# Silat Cekak di sekolah amat wajar: Pesaka

- 8 SEP 1987

*Pencak / seni*  
KUALA LUMPUR, Isnin — Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengemukakan langkah Kementerian Pendidikan memberi peluang kepada seni Silat Melayu, terutamanya Silat Cekak, berkembang di kalangan pelajar sekolah menengah di seluruh negara sebagai satu gerakan kokurikulum.

Setiausaha agungnya, Encik Abdul Rahman Hassan, berkata saranan Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim kena pada tempatnya kerana seni mempertahankan diri yang diwarisi oleh bangsa Melayu turun temurun dapat dipelajari oleh semua kaum di negara ini.

Semalam, Encik Anwar mengumumkan bahawa Kementerian memilih Silat Cekak untuk dijadikan satu gerakan kokurikulum (gerko) di

*MOA - Pesaka*  
sekolah menengah bagi membangkitkan semangat cintakan warisan budaya negara di kalangan pelajar.

Bagaimanapun, beliau hanya mahukan ilmu seni mempertahankan diri yang tidak menyeleweng daripada akidah, budaya, dan akhlak dipilih untuk tujuan itu supaya cendekiawan dan golongan profesional Melayu tidak bersikap bongkak dan mudah putus asa.

## Bongkak

Encik Abdul Rahman berkata beliau bersama beberapa ahli jawatankuasa Pesaka akan menemui Encik Anwar untuk membincangkan pelbagai perkara, termasuk mengenai syarat atau peraturan yang ditetapkan.

"Dalam soal ini, yang penting ilmu seni mem-

*B. Harian (M)*  
pertahankan diri itu dapat disebarikan secara meluas di kalangan pelajar pelbagai kaum," katanya.

Menurutnya, Pesaka ditubuhkan pada 1983 lalu dan dirasmikan oleh Encik Anwar (ketika itu sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan).

"Oleh itu kami tidak keberatan menerima tawarannya dan ini membuktikan kerajaan mengiktiraf seni Silat Melayu," katanya.

Beliau berharap semua guru dan jurulatih Silat Melayu menerima tawaran Kementerian itu.

Sementara itu, naib presiden seni Silat Cekak Malaysia, Haji Amrudin Buang, mengucapkan terima kasih kepada Encik Anwar kerana memilih seni silat itu sebagai satu gerakan kokurikulum di sekolah menengah.